

18 OCT 1996

SABAH SOKONG PM MENGENAI HUKUMAN KE ATAS PENDATANG HARAM

KOTA KINABALU, 18 Okt (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee hari ini menyatakan sokongan kepada kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam mengenai pendirian tegas kerajaan pusat ke atas masalah pendatang haram termasuk mengenakan hukuman rotan.

"Isu pendatang haram merupakan satu masalah besar yang telah menghantui Sabah selama dua dekad dan kerumitan masalah ini telah menjadi satu cabaran kepada rakyat dan kerajaan Sabah.

"Oleh itu kerajaan negeri sangat berterima kasih kepada kerajaan pusat kerana akhirnya memberi perhatian penuh kepada masalah ini," kata beliau dalam satu kenyataan di sini.

Dr Mahathir semalam mengumumkan Majlis Keselamatan Negara akan bertindak tegas membendung masalah kemasukkan pendatang tanpa izin termasuk mengenakan hukuman rotan.

Yong berkata dalam masa negara ini masih memerlukan pekerja asing, langkah-langkah perlu diambil untuk menjamin keselamatan dan kesejahteraan sosio-ekonomi rakyat. -- BERNAMA

KG WAT